

Program Outreach UMS di Kg Tagibang bantu bangun pendidikan luar bandar

UB 19/06/2011

A3

KOTA MARUDU: Program Outreach Tagibang anjuran Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini memberi kesan mendalam terhadap masyarakat luar bandar dalam usaha menjana bersama kemajuan dalam bidang pendidikan.

Justeru, dengan matlamat membantu pelajar luar bandar lebih terdedah dengan peluang yang ada dalam bidang pendidikan, maka UMS melalui program kelolaan lebih 50 pelajarannya, terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan, dan sukarelawan CCA-SUEC menyertai program bertema "Scaling up education in community" itu.

Jelajah pendidikan ini diikuti oleh Pengarah Program, Haizul Azhar Badean, dengan kerjasama bekas pelajar yang menjadi sukarelawan dan juga dengan kerjasama dan tajaan pemimpin masyarakat.

Turut serta dalam program itu ialah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)

bahagian Kota Marudu, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kesihatan Kota Marudu.

Penyelaras program Outreach Tagibang, Dr Khalid Johari berkata program itu adalah salah satu usaha perkongsian pintar antara UMS dengan warga pendidikan di luar bandar, yang sukar mendapat kemudahan dan maklumat semasa berkaitan perkembangan dan peluang pendidikan masa kini.

Katanya, pelbagai aktiviti diadakan sepanjang tiga hari berada di Kg Tagibang, khususnya murid dan warga pendidik SK Tagibang.

Rombongan disambut oleh Justina Tuyundo, wakil SK Tagibang yang telah diamanatkan untuk menyambut rombongan UMS dan pihak sukarelawan di pekan Ranau. Perjalanan ke Kg Tagibang bermula dari jalan berturap Lohan-Bongkud selama hampir setengah jam dan tiba di Kg Perancangan, di mana

bermulanya ekspedisi jalan tidak berturap menuju ke Kg Tagibang.

Khalid berkata, walaupun keadaan jalan yang dilalui sebahagian besar tidak berturap penuh dengan debu jalan, namun akhirnya rombongan tiba tepat jam 6.00 petang, di Kg Tagibang dengan disambut mesra oleh Ketua Kampung, Maruda Gumuru.

Kg Tagibang adalah sebuah kampung yang padat dengan penduduk dan sebahagian besarnya adalah suku kaum Kadazandusun dan Murut. Terdapat kemudahan asas seperti elektrik, air dan klinik desa.

Program pada hari pertama dibuka dengan mengadakan aktiviti senamrobik poco-poco, sesi suaikenal dan rekreasi bersama murid, guru dan penduduk kampung. Ia disusuli dengan pembentangan kertas cadangan kajian para sukarelawan SUEC.

"Sambutan warga sekolah,



JELAJAH PENDIDIKAN...Sebahagian rombongan program Outreach UMS.

penduduk dan murid amat membanggakan sepanjang program dan aktiviti berjalan," katanya.

Pada masa sama, kata Khalid, murid-murid SK Tagibang terlibat dengan aktiviti 'Indoor Games' iaitu catur bimbingan Robin Yami selaku pemudah cara. Selain

aktiviti permainan catur dan pembentangan kertas cadangan kajian, aktiviti 'One Stop Learning Centre (OSLC)' turut dijalankan. OSLC bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan daya ingintahu murid serta memperkayakan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang.

"Sesungguhnya, walaupun UMS sebagai tuan rumah projek berjaya dijalankan tanpa kerjasama Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat Kota Marudu, Ranau dan Kudat, Jabatan Kesihatan seterusnya warga Kg Tagibang, iaanya tidak mungkin berjaya dengan cemerlang," katanya.

Aktiviti itu banyak mengaitkan jenis-jenis penyakit berjangkit dan Gaya Hidup Sihat. Aktiviti Learning Mathematics 1 (Mental Arithmetic) turut diadakan untuk murid-murid mempelajari kaedah menyelesaikan masalah Matematik dengan lebih pantas dan mudah.